

08/01/1997

Country Heights tuan rumah Apec

Khaidir Abdul Majid

COUNTRY Heights Holdings Bhd yakin hotel mewahnya di Sungei Besi, Palace of the Golden Horses dilantik sebagai hotel tuan rumah bagi mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara-Negara Membangun (G15) yang akan diadakan di Kuala Lumpur, masing-masing pada 1998 dan 1997.

Pengarah urusan kumpulan, Datuk Lee Kim Yew, berkata syarikatnya bertambah yakin menjadi tuan rumah kepada mesyuarat berkenaan berikutan bayangan yang diberikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu semalam.

Dr Mahathir ketika melawat projek The Mines Resort City bernilai RM2 bilion yang turut merangkumi Palace of the Golden Horses, berkata hotel itu mampu menjadi lokasi bagi beberapa mesyuarat antarabangsa yang akan diadakan di Malaysia.

Bercakap kepada pemberita selepas lawatan Perdana Menteri itu, iaitu lawatan kedua Dr Mahathir ke tapak itu sejak setahun lalu, Lee berkata pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan pegawai Wisma Putra mengenai kemungkinan hotelnya dipilih sebagai lokasi persidangan antarabangsa berkenaan.

Apabila siap dan dibuka menjelang pertengahan 1997, hotel bertema dan pusat peranginan itu menampilkan 82 bilik suite atau mewah, lebih 400 bilik biasa dan kira-kira 40,000 kaki persegi dewan persidangan.

Lee berkata, Country Heights setakat ini melabur RM1.3 bilion ke atas projek Mines Resort City yang terletak di bekas tanah lombong di Sungei Besi di pinggir Kuala Lumpur.

"Kami tidak perlu bimbang mengenai pembiayaan.

Apa yang kami lakukan di sini adalah amat laris," katanya.

The Mines Resort City yang dianggap sebagai tujuh Keajaiban Malaysia mengandungi tujuh komponen iaitu Palace of the Golden Horses, Mines Resort & Golf Club, The Mines Wonderland, The Mines Shopping Fair, Mines Beach Resort, The Mines Waterfront Business Park, dan pusat pameran terbesar di negara ini, Malaysian International Exhibition & Showroom.

(END)